

SA 25/4/09 ml8 T3.

# Kampung nelayan moden, UMT sedia beri kerjasama

NURUL HUDA HUSAIN

**KUALA NERUS** – Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bersedia sepenuhnya untuk memberi kerjasama kepada kerajaan negeri berhubung perancangan untuk mewujudkan perkampungan nelayan moden di Kampung Pak Abu, Seberang Takir, di sini.

Menurut Naib Canselornya, Profesor Dr Aziz Deraman, perancangan untuk mewujudkan penempatan secara tersusun dilihat begitu sesuai dengan keadaan semasa hari ini, di mana mampu mengatasi masalah kekurangan tanah kerana rumah yang bakal dibina itu nanti akan dibuat secara bertingkat.

"Kita juga merancang untuk membina pelabuhan mengajar (teaching port) di kawasan perkampungan yang bakal dibina itu dengan harapan dapat dijadikan sebagai kampus untuk dijadikan pusat pengajian atau penyelidikan berhubung sains marin atau fakulti berkaitan.

"Bagaimanapun, kita masih menunggu perkembangan lanjut daripada kerajaan negeri dan apa yang saya boleh katakan tentang perjalanan program ini adalah masih dalam proses memeterai kerjasama dengan lebih



● Aziz (depan) memalu gong sebagai simbolik perasmian program berkenaan.

kukuh," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas merasmikan Program Bakti Kakitangan UMT 2009 yang berlangsung di Pusat Komuniti Kampung Gemuroh, Tepoh, di sini.

Sementara itu, dalam program yang membabitkan seramai 30 orang kakitangan UMT yang terdiri daripada golongan profesional seperti pensyarah dan pegawai sokongan akademik itu merupakan akti-

viti pertama kali yang dianjurkan melibatkan golongan itu.

Program yang akan berlangsung selama tiga hari itu memerlukan setiap peserta yang terlibat tinggal bersama keluarga angkat masing-masing serta memanfaatkan peluang berkenaan untuk menyebarkan maklumat, ilmu dan kepakaran mereka agar mampu mencetuskan perubahan minda masyarakat di kawasan berkenaan.